



SOKA University

Faculty of International Liberal Arts

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF JANUARY 2024

KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA-JEPUN: PELABURAN DAN PASARAN STRATEGIK

MOHD IKBAL MOHD HUDA (PhD) merupakan Penyelaras Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Strategi & Diplomasi) dan Pensyarah Kanan, Program Analisis Strategi Dan Keselamatan, Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (2008), ijazah PhD (2015) dalam Program Pengajian Jepun dari Universiti Malaya (UM) dan Ijazah Bahasa Jepun dari Universiti Asia (亜細亜大学留学生別科), Tokyo, Jepun. Bidang penyelidikan beliau tertumpu kepada Hubungan Antarabangsa, Ekonomi Politik Antarabangsa, Ekonomi Politik Jepun (政府開発援助/ODA), Pembangunan Antarabangsa, Tadbir Urus dan Kerjasama Antarabangsa dengan tumpuan kepada ASEAN dan Rantau Asia Timur. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa bagi Persatuan Pengajian Jepun Malaysia/マレーシア日本研究学会 (MAJAS).

PENGENALAN

Hubungan Malaysia-Jepun menyaksikan pelbagai kejayaan dalam sektor kritikal sejak 66 tahun hubungan diplomatik terjalin. Bermula dengan komitmen Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) pada tahun 1966 melalui penyaluran komitmen pinjaman yen, kerjasama teknikal dan bantuan geran, kerjasama diperkukuh dengan Perjanjian Perkongsian Ekonomi yang ditandatangani pada tahun 2006 serta Perkongsian Strategik pada 2015 ke arah hubungan yang lebih signifikan.

Hubungan Malaysia-Jepun yang bersifat penerima-pemberi di tahun 1950-an sehingga 1970-an, telah bertukar menjadi rakan strategik menjelang awal tahun 1980-an atas faktor kesalingbergantungan yang wujud di pentas antarabangsa. Bermula dengan Perjanjian Perdagangan Jepun-Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 10 Mei 1960 yang merupakan perjanjian ekonomi pertama antara kedua-dua negara, kerjasama ekonomi Kuala Lumpur-Tokyo diperkukuh dengan pelaksanaan Malaysia-Japan Economic Association (MAJECA) dan Japan-Malaysia Economic Association (JAMECA) atas usaha penasihat khas ekonomi, Raja Mohar Raja Badiozaman pada zaman pentadbiran Hussein Onn.

Di dalam konteks komitmen penyaluran Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) sepanjang tempoh 57 tahun, Jepun masih kekal sebagai penyalur utama sejak tahun 1966. ODA Jepun yang mula disalurkan ke Malaysia selepas sembilan tahun hubungan diplomatik antara kedua-dua negara

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

dimeterai, melambangkan kematangan diplomasi kedua-dua negara atas konsep “*timbal-balik*”. Konsep tersebut amat relevan bagi menginterpretasi ODA Jepun ke Malaysia kerana pola interaksi bilateral menjadi lebih kompleks dengan wujudnya kesalingbergantungan antara Kuala Lumpur-Tokyo. Sebagai contoh, konsep tersebut dilihat antara mekanisme bagi mewujudkan hubungan yang lebih harmonis ke arah mencapai keuntungan secara bersama. Kepada Malaysia, ODA antara pelengkap aliran modal untuk membiayai projek-projek pembangunan sosioekonomi, manakala kepada ODA Jepun merupakan instrumen yang diadaptasi bagi kelangsungan ekonomi.

Hubungan Malaysia-Jepun berubah kepada satu dimensi yang amat kukuh semasa pentadbiran Mahathir Mohammad apabila orientasi pro-Jepun serta pelbagai dasar pragmatik diimplementasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan mengadaptasi model pembangunan Jepun melalui Dasar Pandang Ke Timur (DPT) pada tahun 1981. Hubungan Malaysia-Jepun terus diberi keutamaan dalam dasar Najib Razak dengan meneruskan dasar-dasar ekonomi sedia ada serta memperkenalkan dimensi baru Dasar Pandang Ke Timur pada tahun 2013. Hubungan bilateral yang terjalin menunjukkan trend hubungan yang masih stabil tanpa adanya sebarang krisis yang mampu menggugat hubungan diplomatik kedua-dua negara. Dengan nilai strategik yang ditawarkan Malaysia antaranya persekitaran pelaburan yang kondusif, lokasi strategik, dasar mesra perniagaan, peluang pasaran, kos yang kompetitif, rasionalisasi perkhidmatan awam serta inisiatif oleh Jepun, perkembangan hubungan ekonomi diperkukuh melalui Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia (JMEPA) yang telah dikuatkuasakan sejak 13 Julai 2006 serta dimensi baru DPT pada tahun 2013 yang lebih menumpukan aspek ekonomi bagi memajukan potensi bidang perdagangan dan pelaburan. Dimensi baru DPT turut menerokai peluang baru dalam sektor seperti pembiayaan kewangan Islam, industri halal, kebudayaan, pelancongan dan teknologi hijau.

Dimensi baru hubungan Dasar Pandang Ke Timur dilihat telah merintis kepada pelbagai peluang sejak 39 tahun berlaksananya. Dimensi baru DPT yang lebih menumpukan aspek ekonomi bagi memajukan potensi bidang perdagangan dan pelaburan dilihat menjadi keutamaan. Inisiatif dimensi baru DPT sememangnya mewujudkan peluang antaranya meningkatkan pelaburan, liberalisasi perdagangan dan kepakaran yang berpotensi mempercepatkan penerimaan Malaysia dalam Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Melalui dimensi baru DPT, Malaysia meletakkan sasaran secara sistematik yang didorong tenaga kerja berteknologi tinggi dalam memudahkan penerimaan Industri 4.0 apabila bekerjasama dengan syarikat Jepun sedia ada di Malaysia antaranya Sumitomo, Panasonic, Hitachi, Sony dan Sharp yang telah menerima pakai Industri 4.0 di Jepun.

ISU: PERDAGANGAN DAN PELABURAN

Tahun 2023 adalah tempoh mencabar bagi ekonomi global khususnya Malaysia yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk ketegangan geopolitik yang berlanjutan. Walaupun berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi global, situasi kejatuhan nilai ringgit dan penurunan harga komoditi, ekonomi negara dilihat masih stabil berbanding negara-negara pengeksport komoditi yang lain. Walaupun penilaian terhadap statistik ekonomi menunjukkan kedudukan fiskal negara adalah lemah, ianya masih disokong oleh faktor-faktor lain bagi membantu memperbaiki kedudukan fiskal tersebut.

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

Pada tahun 2022, perdagangan Jepun telah membentuk sebanyak 6.4 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia berjumlah US\$41.26 bilion (RM181.73 bilion). Walaupun berada dalam situasi persekitaran yang mencabar bagi ekonomi global, Jepun kekal menjadi rakan dagang terpenting negara. Jepun muncul sebagai rakan keempat terbesar bagi Malaysia selama lapan tahun berturut-turut sejak 2015. Bagaimana situasi untuk tahun-tahun sebelumnya?

Jumlah perdagangan pada tahun 2014, direkodkan bernilai US\$42 bilion (RM 138 bilion) yang memihak kepada Malaysia dengan eksport ke Jepun bernilai RM82.7 bilion berbanding import bernilai RM54.7 bilion. Manakala sebanyak US\$32.46 billion (RM126.27 billion) jumlah perdagangan dicatatkan pada tahun 2015 dan US\$28.98 billion (RM120.26 billion) pada tahun 2016. Walaupun jumlah keseluruhan perdagangan mencatatkan penurunan sebanyak 4.8 peratus antara tahun 2015-2016, Jepun masih muncul sebagai pelabur terbesar berdasarkan komitmen pelaburan yang diluluskan dari syarikat-syarikat Jepun pada tahun 2014-2016.

Selain itu, pelaburan Jepun di Malaysia turut membuka peluang kepada Tokyo bagi mengukuhkan pasaran ke negara-negara ASEAN. Tokyo dilihat mampu memperoleh keuntungan berdasarkan unjuran pertumbuhan ekonomi di dalam pasaran ASEAN sebelum pandemik Covid-19. Kedudukan strategik Malaysia yang merupakan negara ahli Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) serta menandatangani perjanjian Tarif Keutamaan Efektif Am (CEPT) telah membuka seluasnya pasaran barangan Jepun ke negara-negara tersebut.

Hubungan Malaysia-Jepun pada masa ini lebih memberi penekanan melalui pelbagai pakej dasar ekonomi bagi menjana kitaran positif melalui strategi pertumbuhan. Strategi tersebut dilihat menjadi sinergi kepada dasar ekonomi kedua-dua negara untuk memperoleh kadar pertumbuhan yang lebih tinggi. Orientasi pro-Jepun bukan sahaja berjaya menarik masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) malah telah membentuk hubungan politik yang kuat dengan sektor perniagaan. Dengan pelbagai strategi serta program berterusan seperti Simposium Pelaburan Jepun-Malaysia anjuran Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) serta Forum Ekonomi Malaysia-Jepun anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Jepun (JCCI) dilihat berupaya memperkukuhkan kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Pelaburan Jepun mencatatkan pertumbuhan yang signifikan sebanyak RM7.04 bilion pada tahun 2009 dengan 54 projek telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia. Trend pelaburan tersebut konsisten walaupun dunia berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi global. Pelaburan Jepun mencatatkan sebanyak RM5.872 bilion pada tahun 2012, RM8.017 bilion pada tahun 2013, RM2.220 bilion pada tahun 2014 dan RM9.419 bilion pada tahun 2015.

Sekiranya dianalisis rekod pelaburan pada tahun 2015, kira-kira 2,602 projek perkilangan dengan kerjasama Jepun telah dilaksanakan dengan nilai pelaburan sebanyak RM85 bilion. Manakala berdasarkan laporan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), strategi mempromosikan hubungan perniagaan antara Tokyo-Kuala Lumpur berjaya menarik jumlah pelaburan sebanyak RM1.05 bilion dengan 36 projek pembuatan telah diluluskan sehingga suku keempat tahun 2016. Manakala pada tahun 2023, lebih 2,778 projek oleh syarikat Jepun telah

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

dilaksanakan di Malaysia, dengan pelaburan berjumlah lebih US\$27.25 bilion (RM91.89 bilion), yang telah mewujudkan lebih 337,758 peluang pekerjaan.

Terdapat perdebatan dikalangan ahli Persatuan Pengajian Jepun Malaysia (MAJAS) sama ada pelaburan dan perdagangan (eksport) memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi di bawah. Ini kerana pelaksanaan Export-Led Growth (ELG) impak dari Import-Substitution Industrialisation (ISI) dan Export-Promotion Industrialisation (EPI) walau bagaimanapun sukar dinilai di dalam konteks hubungan perdagangan Malaysia-Jepun. Kesukaran ini mendorong penyelidikan bagi meneroka pelaburan dan eksport Malaysia ke Jepun (EXJ) dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) digunapakai sebagai pembolehubah ataupun proksi untuk mengukur tahap sebenar pembangunan ekonomi.

Sehingga tahun 2023, pelaburan Jepun ke Malaysia mampu membentuk kerangka kerjasama yang kuat dan menyumbang secara signifikan dalam pertumbuhan ekonomi. Malaysia masih kekal antara destinasi pelaburan strategik bagi lebih 1500 syarikat Jepun meskipun sentimen perniagaan lemah berikutan persekitaran pasaran domestik dan global yang mencabar. Walaupun negara ASEAN lain sedang cuba mengurangkan cukai korporat, Malaysia masih menjadi destinasi terbaik terutama bagi perkilangan Jepun. Asas ekonomi Malaysia yang kukuh, lokasi strategik dan buruh yang berkemahiran mendorong syarikat Jepun untuk terus meningkatkan pelaburan mereka sebanyak RM10.4 bilion pada 2019. Berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Malaysia masih menjadi destinasi pelaburan dengan persekitaran yang menyokong termasuk prasarana yang baik, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan perbankan, industri sokongan. Selain itu, struktur ekonomi negara yang pelbagai, sistem kewangan yang baik, tindak balas kesihatan awam yang berkesan dan sokongan dasar makroekonomi yang proaktif menunjukkan bahawa Malaysia dapat mengatasi cabaran dengan lebih baik berbanding negara ASEAN lain. Kelebihan tersebut menjadikan syarikat Jepun mempelbagaikan pelaburan ke bidang baharu seperti sektor kesihatan, pembuatan peralatan perubatan, teknologi digital dan industri makanan halal.

Walaupun bagaimanapun, berbanding dengan fleksibiliti pelaburan, pengkaji mendapati bahawa terdapat lima kelebihan perdangan (eksport) dalam proses pembangunan ekonomi. Pertama, keberhasilan eksport akan mengurangkan nilai defisit bagi imbalan perdagangan. Situasi tersebut menjelaskan bahawa asas ekonomi negara yang kukuh mampu menyerap penurunan nilai ringgit dalam tempoh sederhana. Kedua, liberalisasi perdagangan mendorong pengeksport untuk memberi fokus kepada produktiviti pengeluaran dan tidak hanya bergantung kepada satu komoditi dalam memperoleh hasil yang maksimum. Ketiga, pengembangan eksport membantu pengeksport untuk mengakses kepada kualiti barangan pengguna di seluruh dunia dalam pembentukan idea baharu serta potensi perniagaan. Keempat, berupaya mengurangkan kos pengeluaran terhadap pengeksport dan mengoptimumkan produktiviti pengeluaran. Senario tersebut menjelaskan bahawa penurunan nilai mata wang akan menjadikan sektor eksport lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan memberi lebih dalam sektor-sektor yang berkenaan. Kelima, membantu negara pengeksport meningkatkan jumlah import barangan pengantara serta peralatan yang lebih berkualiti dalam menjamin mutu persaingan.

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

Walau bagaimanapun, terdapat juga perdebatan di kalangan ahli Persatuan Pengajian Jepun Malaysia (MAJAS) bahawa terdapat hubungan negatif antara pembangunan ekonomi dengan perdagangan (eksport). Secara relatifnya, apabila berlaku pergerakan matawang sama ada naik atau turun, ianya memberi impak kepada ekonomi secara keseluruhan walaupun negara mampu berdepan dengan cabaran tersebut bagi tempoh yang sederhana. Kedua, hubungan negatif antara pembangunan ekonomi dengan eksport juga adalah berdasarkan hujahan Teori Kebergantungan Perdagangan Antarabangsa yang mendapati negara membangun dan miskin hanya menjadi pasaran dan pembekal barangan pembuatan oleh negara-negara maju. Dalam erti kata lain, berlaku kebergantungan berterusan oleh negara pembekal bagi kelangsungan ekonomi (memperoleh pendapatan). Ketiga, eksport di dalam konteks pembangunan ekonomi tidak dapat disahkan dari segi ujian empirikal apabila gagal untuk mengesahkan andaian ELG.

Berdasarkan hujahan di atas, kajian untuk EXJ bagi menilai andaian pertumbuhan berdasarkan unjuran nilai eksport amat signifikan kerana Malaysia telah mencatatkan trend penurunan eksport ke Jepun pada tahun 2010-an. Kajian tersebut signifikan bagi menilai ujian empirikal serta andaian samada eksport Malaysia ke Jepun memberi manfaat ke atas pembangunan ekonomi. KDNK digunapakai sebagai pemboleh ubah ataupun proksi untuk menilai dan mengukur tahap pembangunan ekonomi berdasarkan jumlah nilai eksport Malaysia ke Jepun (US\$ juta) dan KDNK Malaysia (US\$ juta).

ANALISIS DATA

Analisis data menggunakan unit ujian yang dinyatakan. Pertama, kajian berdasarkan status negara (pertumbuhan ekonomi / KDNK) yang berbeza berupaya menjelaskan hubungan jangka panjang antara perdagangan (eksport) ke atas pertumbuhan ekonomi. Kedua, perkaitan antara pelaburan, kitaran eksport dan pertumbuhan ekonomi, trend penurunan jumlah perdagangan (eksport) Malaysia ke Jepun, jumlah pelaburan Jepun ke Malaysia, impak statik antara eksport Malaysia ke Jepun ke atas pembangunan ekonomi, strategi Malaysia dan Jepun bagi mengurangkan defisit perdagangan tahunan dengan komitmen kerjasama ekonomi yang pelbagai seperti komitmen Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) turut dilakukan secara berperingkat.

Dalam kajian ini, tiga peringkat analisis dijalankan bagi menguji hubungan antara eksport Malaysia ke Jepun dan pembangunan ekonomi. Pada peringkat pertama analisis empirikal, unit punca unit Augmented Dickey-Fuller (ADF) digunapakai. Pada peringkat kedua analisis empirikal, ujian Engle-Granger Kointegrasi (EG) digunakan untuk mengkaji hubungan jangka panjang antara eksport Malaysia ke Jepun dan pembangunan ekonomi untuk melihat sama ada ujian EG gagal atau berjaya menolak andaian tiada kointegrasi antara KDNK dan EXJ. Selain itu, ia juga dapat menunjukkan sama ada terdapat atau tidak perkaitan jangka panjang antara pendapatan dan eksport dari Malaysia ke Jepun. Peringkat ketiga analisis empirikal, Granger Causality Test digunakan untuk mengkaji hubungan antara pendapatan dan eksport di Malaysia untuk melihat sama ada ujian ini gagal atau berjaya menolak andaian tiada pertalian dari EXJ kepada KDNK.

Seperti dinyatakan, kerjasama ekonomi lain seperti ODA turut dilakukan bagi menilai pembangunan ekonomi di Malaysia. Signifikannya DPT adalah salah satu projek di bawah

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

komitmen ODA Jepun ke Malaysia. Analisis konsep kesalingbergantungan bagi menginterpretasi ODA Jepun ke Malaysia dilakukan kerana pola interaksi bilateral menjadi lebih kompleks dengan wujudnya kesalingbergantungan antara Kuala Lumpur-Tokyo. Dengan menetapkan sasaran untuk jangka masa panjang, konsep tersebut dilihat antara mekanisme bagi mewujudkan hubungan yang lebih harmoni ke arah mencapai keuntungan secara bersama walaupun negara berhadapan dengan ketidakpastian jumlah pelaburan dan perdagangan. Kepada Malaysia, ODA antara yang memenuhi keperluan sumber kewangan untuk membiayai projek-projek pembangunan sosioekonomi. Manakala kepada Jepun, ODA merupakan instrumen yang diadaptasi bagi memenuhi keperluan dan keselamatan pelaburan. Dengan kata lain, dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun, konsep kesalingbergantungan menunjukkan bahawa ODA yang disalurkan telah mewujudkan situasi menang-menang di antara Tokyo-Kuala Lumpur. Dasar penyaluran ODA Jepun yang bersifat komprehensif membolehkan pelaksanaan lebih 450 projek pembangunan sosioekonomi antara yang menjadi sinergi ekonomi ke arah pertumbuhan yang lebih mampan.

Kajian ODA Jepun ke Malaysia mendapati konsep kesalingbergantungan yang wujud menguntungkan negara penyalur dan penerima. Hubungan yang wujud dalam konteks kerjasama di peringkat antarabangsa ini bersifat jangka masa panjang untuk manfaat bersama. Dengan merujuk kepada analisis beberapa faktor antaranya kepentingan bersama, kekurangan sumber bahan mentah, kepentingan geopolitik dan geostrategik dan dasar pro-Jepun antara sebab mengapa ODA masih disalurkan ke Malaysia. Konsep kesalingbergantungan amat relevan bagi menginterpretasi penyaluran ODA kerana pola interaksi hubungan dua hala menjadi lebih kompleks dengan wujudnya kebergantungan antara Kuala Lumpur-Tokyo. Dengan menetapkan sasaran untuk jangka masa panjang, konsep tersebut dilihat antara mekanisme bagi mewujudkan hubungan yang lebih harmonis ke arah mencapai keuntungan secara bersama.

Kepada Malaysia, ODA telah memenuhi keperluan sumber kewangan untuk membiayai projek-projek pembangunan sosioekonomi, manakala kepada Jepun, ODA merupakan instrumen yang digunakan bagi memperoleh antaranya bekalan bahan mentah, peluang pasaran dan pengembangan pensyarikatan. Hubungan Malaysia-Jepun yang bersifat penerima-pemberi di tahun 1950-1970-an kepada rakan strategik menjelang awal tahun 1980-kini menjelaskan kedua-dua negara masih saling memerlukan antara satu sama lain. Jika dilihat senario semasa hubungan Malaysia-Jepun, faktor kesalingbergantungan masih mewujudkan pola interaksi bagi menjaga kepentingan nasional kedua-dua negara terutamanya di dalam kerjasama ekonomi dan kerjasama perdagangan.

Apabila Jepun muncul sebagai kuasa ekonomi di peringkat global, peranan dalam mencorak kemakmuran komuniti antarabangsa melalui kerjasama ekonomi sama ada dalam bentuk bilateral atau multilateral telah berkembang luas. Berbekalkan status negara maju di rantau Asia, Jepun secara aktif mengadaptasi ODA untuk menyokong proses pembangunan sosioekonomi di lebih 190 buah negara penerima. Faktor kejayaan menguasai sektor antaranya teknologi dan elektronik sehingga berjaya menghasilkan produk berteknologi tinggi menjadi kelebihan kepada Jepun untuk meningkatkan keberkesanan program ODA ke arah mencapai kemajuan sejagat. Di dalam konteks Malaysia, ODA Jepun berjumlah US\$2,569.18 bilion antara yang membantu dalam

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

perlaksanaan lebih 450 projek di dalam 14 sektor selaras dengan pelaksanaan dasar rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia. Berdasarkan analisis laporan yang diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri Jepun pada tahun 2015, Malaysia tidak lagi tersenarai dalam kedudukan 10 negara teratas dalam senarai penerima ODA Jepun selepas tahun 2009. Analisis mendapati bahawa, landskap pertumbuhan semasa Malaysia yang sudah mencapai tahap self-help dan menuju ke arah take off pembangunan ekonomi seterusnya telah mempengaruhi jumlah penyaluran ODA Jepun.

Senario tersebut menjelaskan satu impak yang signifikan iaitu hubungan bilateral Malaysia-Jepun yang bersifat penerima-pemberi bermula pada tahun 1950-an sehingga tahun 1970-an telah berubah menjadi rakan strategik. Berdasarkan statistik yang telah dikemaskini, komitmen ODA menunjukkan peningkatan yang signifikan semasa Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun jumlah komitmen tersebut berkurangan semasa Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh, ianya kembali mencatatkan peningkatan semasa Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas pinjaman yen tidak lagi disalurkan selepas berakhirnya suku keempat tahun 2011.

Beberapa hujahan di atas adalah bagi menjelaskan bahawa dimensi hubungan bilateral kedua-dua negara pada abad ke-21 antara yang sering dianalisis bagi melihat peralihan strategi dalam polisi luar negeri Kuala Lumpur-Tokyo. Trend, karakteristik serta pelbagai dasar pragmatik yang diimplementasi dilihat masih stabil tanpa adanya sebarang krisis yang mampu mengganggu gugat hubungan bilateral kedua-dua negara walaupunimbangan perdagangan mencatatkan nilai yang tidak konsisten. Sebaliknya dengan nilai strategik yang ditawarkan Malaysia antaranya kestabilan politik dan keselamatan negara, persekitaran pelaburan yang kondusif, dasar mesra perniagaan, peluang pasaran serta inisiatif oleh Jepun, perkembangan hubungan ekonomi diperkukuh dengan pelbagai bentuk kerjasama ekonomi yang pelbagai bagi menyeimbangi defisit perdagangan yang berlaku.

PENILAIAN DAN DAPATAN

Pertama, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah memeterai memorandum kerjasama (MoC) dengan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) pada April 2021, bagi memperkukuh hubungan kerjasama penggalakan pelaburan dan perdagangan. Kedua, pelabur Jepun berpotensi memanfaatkan Malaysia untuk ke pasaran ASEAN kerana penglibatan Malaysia dalam perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPP) serta rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) berpotensi menjadi jambatan kepada pasaran kepada Jepun. Keberhasilan TPP dan RCEP berpotensi membentuk kerangka kerjasama yang kuat dan menyumbang secara signifikan dalam pemulihan ekonomi bagi ekonomi yang terlibat selain berpotensi mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih liberal. Ketiga, Malaysia telah mencatatkan trend penurunan eksport ke Jepun pada tahun 2010-an.

Penurunan eksport ini menjelaskan empat senario iaitu pertama, impak statik antara eksport Malaysia ke Jepun ke atas pembangunan ekonomi Malaysia. Kedua, walaupun Jepun mempunyai kedudukan dominan dalam hubungan ekonomi Malaysia, namun eksport Malaysia ke Jepun tidak

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

begitu menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Ketiga, impak liberalisasi perdagangan antarabangsa ke atas pembangunan ekonomi berdasarkan faktor positif eksport akan diimbangi oleh faktor negatif import. Keempat, strategi Malaysia dan Jepun untuk mengurangkan defisit perdagangan tahunan dengan komitmen kerjasama ekonomi yang pelbagai antaranya Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA).

Selain itu, liberalisasi ekonomi melalui inisiatif pelaburan dan perdagangan antarabangsa mampu memberi lebih banyak suntikan kepada impak ekonomi jangka panjang. Prestasi pertumbuhan ekonomi negara ketika berhadapan dengan krisis komoditi pada 1980-an dan terpaksa menanggung hutang tinggi iaitu lebih 100% daripada KDNK signifikan dijadikan contoh. Pada waktu ini kerajaan telah meliberalisasikan sektor perkilangan iaitu ekuiti kepada perkilangan dibuka 100% kepada pegangan asing. Pada tempoh ini, FDI Jepun adalah paling dominan dan telah membantu mengurangkan beban hutang apabila ekonomi berkembang lebih pesat daripada kadar hutang terkumpul. Manakala sebelum krisis kewangan Asia, kadar hasil negara meningkat sekitar 12% setiap tahun berbanding hanya 8% dari segi perbelanjaan. Dua contoh tersebut menjelaskan bahawa negara mempunyai banyak cukai daripada apa yang dibelanjakan dan kerajaan hanya perlu menentukan sama ada untuk liberalisasi ekonomi dan menggalakkan pelaburan bagi mengecilkan kadar hutang negara. Perkara ini juga wajar diberi perhatian dalam konteks semasa negara.

CADANGAN POLISI

- I. Menjelaskan Perdagangan (eksport) di dalam konteks pembangunan ekonomi tidak dapat disahkan dari segi ujian empirikal apabila gagal untuk mengesahkan andaian ELG.
- II. Menjelaskan liberalisasi perdagangan antarabangsa tidak memberi impak ke atas pembangunan ekonomi berdasarkan faktor positif eksport akan diimbangi oleh faktor negatif import.
- III. Menjelaskan impak liberalisasi perdagangan Malaysia-Jepun ke atas FDI Jepun ke Malaysia.
- IV. Menjelaskan kepada MIDA, MITI dan JETRO tentang kedudukan dominan Jepun dalam hubungan kerjasama ekonomi.
- V. Memberi imput serta pemahaman kepada pembuat dasar di MITI mengenai impak statik antara eksport Malaysia ke Jepun dan pembangunan ekonomi Malaysia.
- VI. Menjelaskan tidak ada hubungan bersifat jangka panjang antara pelaburan dan perdagangan ke atas pembangunan ekonomi sekiranya adaptasi inisiatif dan insentif tersebut tidak konsisten.
- VII. Menjelaskan trend FDI Jepun serta penurunan dalam eksport Malaysia ke Jepun.

CENTER FOR MALAYSIAN STUDIES POLICY BRIEF

- VIII. Menjelaskan mengenai inisiatif pelaburan dan keseimbangan perdagangan serta manfaatnya apabila berlaku peningkatan dalam kerjasama ekonomi yang pelbagai seperti komitmen ODA.

- IX. Menjelaskan sumbangan komitmen kerjasama ekonomi yang pelbagai seperti ODA dalam pembentukan model baru perkongsian ekonomi strategik Malaysia-Jepun.